KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	FRIM			

Tumbuhan aneh mirip burung hantu

Tumbuhan aneh pertama dunia dinamakan *Thismia Latiffiana* sebagai penghormatan kepada ahli botani dan pemuliharaan Malaysia, Prof Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Spesies tumbuhan berbunga ganjil mirip burung hantu dinamakan *Thismia Latiffiana* merupakan tumbuhan aneh pertama seumpamanya di dunia yang dijumpai di Terengganu.

Tumbuhan bersaiz kira-kira 12 milimeter (mm) itu turut digelar 'Thismia burung hantu' dalam bahasa tempatan kerana bentuknya menyerupai haiwan tersebut.

Jurugambar dan penyelidik bebas dari Terengganu, Suzairi Zakaria, 46, berkata, tumbuhan itu dinamakan *Thismia Latiffiana* sebagai penghormatan kepada ahli botani dan pemuliharaan terkemuka di Malaysia, Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad.

"Hasil penyelidikan mendapati spesies baharu ini berbeza daripada semua spesies *Thismia* lain dan status pemuliharaannya dikategorikan sebagai tumbuhan terancam.

"Mengikuti kategori dan kriteria oleh senarai merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN 2019), spesies ini dinilai sebagai terancam secara kritikal kerana setakat ini ia hanya ditemukan di satu lokasi sahaja," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini terdapat 95 spesies *Thismia* yang telah dikenal pasti di seluruh dunia di mana 16 spesies telah diiktiraf di Semenanjung Malaysia dengan sebahagiannya dijumpai di Terengganu.

Suzairi yang lebih dikenali dengan nama pena Dome berkata, penemuan *Thismia Latiffiana* menjadikan sebanyak sembilan tumbuhan daripada keluarga *Thismiaceae* telah ditemukan di Terengganu di samping *T alba, T arachnites, T asereo, T domei, T javanica, T ornata, T sitimariamiae* dan *T terengganuensis*.

Beliau berkata, 'Thismia burung hantu' ditemukan pada Disember 2019 di hutan simpan sama yang turut dihuni spesies lain iaitu *T sitimeriamiae*.

Jelasnya, sebelum diisytiharkan sebagai penemuan baharu, tumbuhan itu dihantar ke Kepong Herbarium (KEP) bagi semakan status teksonomi terlebih dahulu.

"Proses pengisytiharan tumbuhan ini sebagai spesies terbaharu memakan masa yang lama kerana perlu melalui kajian secara saintifik malah sehingga kini pengkaji masih menjalankan kajian berhubung biologi tumbuhan ini secara lebih mendalam.

"Selepas membandingkannya dengan semua spesies *Thismia* yang ada, tumbuhan ini di dapati tidak sepadan dengan mana-mana spesies dan dikategorikan sebagai spesies yang baharu yang tidak direkodkan di tempat lain," katanya.

Suzairi berkata, 'Thismia burung hantu' adalah salah satu daripada empat spesis baharu yang ditemui di Terengganu selain *T domei, T sitimeriamiae* dan *T terengganuensis*.

"Terengganu juga menemukan dua lagi spesies sebagai rekod baharu iaitu *T arachnites* di mana pertemuan pertama di Perak namun ia tidak dapat dikesan lebih sejak 100 tahun lalu serta *T ornata* yang pertama kali ditemukan di Borneo," katanya.



SUZAIRI

Proses pengisytiharan tumbuhan ini sebagai spesies terbaharu memakan masa yang lama kerana perlu melalui kajian secara saintifik malah sehingga kini pengkaji masih menjalankan kajian berhubung biologi tumbuhan ini secara lebih mendalam."

Dalam pada itu, beliau berkata, khazanah biodiversiti itu perlu dipelihara agar ia tidak pupus begitu sahaja ekoran penerokaan hutan atau pembalakan secara tidak terkawal.

"Penerokaan sumber alam secara tidak terkawal akan memusnahkan sesebuah habitat sekali gus menyebabkan ia hilang keupayaannya untuk menampung spesies-spesies tumbuhan istimewa sedia ada.

"Kehilangan tempat tinggal ini akan menyebabkan biodiversitinya semakin berkurangan dan tidak mustahil ia akan diancam kepupusan seterusnya tidak dapat dilihat lagi pada masa akan datang," katanya.

Suzairi mula aktif dengan penyelidikan Thismia pada tahun 2018 dengan kerjasama salah seorang penyelidik iaitu pakar botani Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Siti Munirah Mat Yunoh.



Thismia Latiffiana merupakan tumbuhan berbunga ganjil mirip burung hantu pertama di dunia yang ditemui di Terengganu.

